

Usaha2 konkrit digesa untuk populararkan silat

18 APR 1982

LANGKAH-LANGKAH lebih konkrit patut diambil untuk mempopularkan seni silat, umpamanya dengan mengadakan lebih banyak pameran mengenainya, bagi menarik minat lebih ramai anggota masyarakat, khususnya para belia yang terdedah kepada tamadun moden, mempelajari seni mempertahankan diri itu.

Demikian usul Encik Tan Sim Whatt, Pengerusi Jawatankuasa Pengurus Balai Rakyat Pasir Panjang, semasa berucap di upacara perasmian Pertandingan Olahraga Silat Gayung antara balai-balai

pencah silat
rakyat, di balai rakyat itu pada Jumaat malam lalu.

Katanya, silat merupakan satu latihan jasmani yang baik untuk kesihatan tubuh dan tubuh yang sihat pula adalah sumber otak yang sihat.

"Balai ini mempunyai kumpulan silat yang aktif dan ia merupakan satu pertanda sihat. Kami berharap kumpulan itu bukan saja dapat mewujudkan semangat bersatu-padu di kalangan anggota-anggota muda di balai ini, malah dapat menjalankan langkah-langkah yang konkrit ke arah mempopularkan silat.

Pengajian

"Sebagai pegawai-pegawai balai ini, kami akan terus memberi kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk kumpulan silat ini," kata Encik Tan.

Beliau kemudian berkata bahawa manusia merupakan pusat dan kayu ukur bagi semua perkara. Sesebuah institusi tidak menentukan nilai ke atas manusia. Sebaliknya manusia yang menentukan nilai sesebuah institusi. Begitu juga dengan balai rakyat.

Oleh yang demikian, beliau menyeru para pegawai yang merangkakan kegiatan-kegiatan di balai rakyat supaya berusaha menyusun kegiatan-kegiatan yang berbentuk pengajian, memberikan daya penggalak, membuka jalan-jalan baru kepada dayacipta dan menggerakkan kerja-kerja kemasyarakatan.

"Dalam saat-saat yang sukar ini, kita hendaklah memesatkan lagi usaha kita. Jadi, marilah kita sama-sama memberikan sumbangan supaya balai kita mempunyai satu kumpulan orang yang kukuh semangat perpa-

Berita Minggu

duanya, aktif, saling hormat menghormati dan mengekalkan taraf harga diri dalam masyarakat kita."

Sebanyak lima balai rakyat mengambil bahagian dalam pertandingan yang dianjurkan oleh Balai Rakyat Pasir Panjang dan Perkumpulan Anak-Anak Sandiwara Angkatan Kesenian (Pasak) itu.

Ia terdiri dari balai-balai rakyat Pasir Panjang, Jalan Pagak, Dover Road, Ulu Pandan dan Cairnhill.